

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BILANGAN 15 TAHUN 2020**

**DASAR PENGEKSPORTAN PASIR KE NEGARA ISLAM DAN NEGARA BUKAN
ISLAM SERTA PERLANTIKAN SYARIKAT SAND STONE DREDGING SDN. BHD.
SEBAGAI PENGEKSPORT TUNGGAL PASIR PROSES**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan mengenai dasar pengeksporan pasir ke Negara Islam dan Negara Bukan Islam sebagaimana keputusan Pihak Berkuasa Negeri.

2. Pihak Berkuasa Negeri dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang kali ke 3 Tahun 2020 pada 26 Februari 2020 di bawah perkara lain telah membuat keputusan di mana Syarikat Sandstone Dredging Sdn. Bhd. dibenarkan untuk mengeksport pasir ke Negara Islam dan Negara Bukan Islam namun pengeksporan pasir ke Negara Bukan Islam dibenarkan untuk tujuan pembangunan sahaja dan tidak membawa maksud untuk tujuan penambakan (reclaim).

3. Selain itu, Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke-10 tahun 2020 melalui kertas bilangan 10/2020/D 4 (4) yang bersidang pada 06 Mei 2020 telah menimbang dan meluluskan perlantikan Syarikat Sandstone Dredging Sdn. Bhd. sebagai pengendali tunggal untuk urusan pengeksporan pasir proses bagi tujuan penambakan ke Negara Islam.

3. Syarikat ini diberi hak bagi urusan pengendalian pemindahan pasir ke luar Negara untuk tempoh sepuluh (10) tahun bermula pada tarikh surat kelulusan daripada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan.

4. Sehubungan dengan itu, semua syarikat-syarikat yang diberi konsesi oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk kerja-kerja melombong pasir dan mengeksport pasir untuk tujuan penambakan ke Negara-negara Islam (Ahli OIC) di Negeri Kelantan hendaklah berurusan dengan Syarikat Sandstone Dredging Sdn. Bhd. bagi tujuan urusan pengeksporan pasir tersebut.

6. Dengan perlantikan Sandstone Dredging Sdn. Bhd. untuk mengurus pengeksporan pasir proses ke luar Negara, maka kelulusan Pihak Berkuasa Negeri yang bersidang pada 07 Jun 2017 melalui kertas Bilangan 15/2017/D 16 (111) kepada HIZ Builders Sdn. Bhd. (1224465-W) adalah terbatal.

7. Sehubungan dengan itu Pentadbir-pentadbir Tanah adalah diminta mengambil maklum dan tindakan sewajarnya selaras dengan pemakaian pekeliling ini.



DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, *D.P.S.K. (KELANTAN), K.M.N*
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA :

Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan
5. YB. Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YABrs. Pengarah PLANMalaysia@Kelantan (JBPD)
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU**

**FAIL : PTG.KN.1/2/30(1)
BERTARIKH : 12 Safar 1440H
21 OKTOBER 2018**